

# LAPORAN TAHUNAN 2019

## KATA-KATA ALUAN DARIPADA PENAUNG KOBANAS



Ketua Eksekutif  
Bank Simpanan Nasional  
Merangkap Penaung KOBANAS

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan KOBANAS kerana memberi saya kesempatan dan peluang untuk menyampaikan kata-kata aluan dan amanat dalam Buku Laporan Tahunan bagi tahun 2019.


Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah juga saya ucapkan kepada Anggota Lembaga, Pengurusan dan Perwakilan KOBANAS kerana dapat mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-27 pada tahun ini, lebih-lebih lagi dalam keadaan kita mengamalkan norma baharu. Perkara ini adalah satu peristiwa penting untuk kita dan pastinya akan tersimpan kemas dalam lipatan sejarah KOBANAS. TAHNIAH saya ucapkan kepada KOBANAS kerana dapat mengekalkan prestasi keuntungan yang baik bagi tahun 2019 dan yang lebih penting sekali adalah ia memberikan pulangan dividen yang baik kepada anggota KOBANAS.

Saya percaya dan yakin bahawa prestasi ini adalah usaha kolektif dan kerjasama erat daripada semua pihak terutamanya barisan Pengurusan KOBANAS sendiri. InsyaAllah, kejayaan ini akan dapat diteruskan di masa-masa akan datang dengan sentiasa mengamalkan tadbir urus koperasi yang baik, kawal selia yang berkesan, komited dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Integriti dan tadbir urus yang baik serta kawal selia yang berkesan merupakan kunci utama dalam kemajuan sesebuah koperasi. Perkara-perkara ini adalah kunci utama dalam kemajuan sesebuah koperasi.

Di samping itu juga, sokongan dan kepercayaan yang tuan/puan berikan selaku anggota KOBANAS juga adalah sama pentingnya dan telah meletakkan KOBANAS di tahap pada hari ini. Pihak Pengurusan BSN akan sentiasa memberi galakan dan bantuan yang bersesuaian kepada KOBANAS agar terus maju dan berdaya saing demi kepentingan dan manfaat anggotanya secara keseluruhan.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua Perwakilan dan Pengurusan KOBANAS.

Sekian, terima kasih.



(DATUK YUNUS ABD GHANI)

## PERUTUSAN DARIPADA PENASIHAT KOBANAS



Ketua Pegawai Kewangan  
Bank Simpanan Nasional  
Merangkap Penasihat KOBANAS Berhad

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada seluruh Anggota Lembaga Koperasi (ALK), perwakilan serta warga kerja KOBANAS kerana telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-27 yang saya kira agak berbeza daripada tahun-tahun yang lepas. Ini adalah satu pengalaman baharu yang kita lalui bersama apatah lagi dengan penularan wabak COVID-19 yang melanda bukan sahaja negara kita malahan juga dunia ketika ini.

Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan tahniah saya ucapkan kepada KOBANAS kerana masih lagi berjaya mengekalkan prestasi keuntungan yang baik bagi tahun 2019. Saya, selaku penasihat kepada KOBANAS berharap agar prestasi cemerlang ini akan dapat dikekalkan atau dipertingkatkan dengan lebih baik lagi untuk tahun-tahun seterusnya. Perkara ini secara tidak langsung dapat meyakinkan lagi kakitangan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menjadi anggota KOBANAS.

Saya percaya bahawa prestasi yang baik ini dapat dicapai dengan kerjasama daripada semua pihak termasuklah pihak BSN, Anggota Koperasi, ALK, Jawatankuasa Audit Dalaman, pegawai dan anggota KOBANAS. Inilah yang diibaratkan sebagai 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Kita hadapi susah dan senang bersama-sama.

Kepada semua ALK dan Perwakilan KOBANAS, saya amat berharap agar anda dapat terus melaksanakan tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan dengan adil, saksama serta berdedikasi di samping menggandakan lagi usaha ke arah kejayaan KOBANAS yang lebih cemerlang di masa hadapan. Matlamat ini harus dipegang dengan kukuh demi manfaat dan faedah serta kebajikan 4,522 anggota KOBANAS. Saya sedia maklum dengan senario ekonomi semasa negara ketika ini yang sedikit sebanyak memberi impak kepada perniagaan KOBANAS. Walau bagaimanapun, saya percaya ALK dan Pengurusan KOBANAS akan dapat mengatasinya.

Kepada anggota KOBANAS pula, saya menyeru kepada anda semua untuk terus memberikan sokongan kepada KOBANAS. InsyaAllah, sokongan anda semua akan memastikan matlamat dan rancangan yang disusun oleh KOBANAS dapat dilaksanakan dengan jayanya sekaligus memberi pulangan yang baik kepada anggota dalam bentuk dividen.

Akhir kalam, sebelum saya mengundurkan diri, secara peribadinya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada KOBANAS kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menjadi penasihat kepada KOBANAS. Saya doakan KOBANAS terus berjaya di masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih, '

(JAY KHAIRIL JEREMY ABDULLAH)

## PERUTUSAN PENERUS KOBANAS



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita berhimpun di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke 27 bagi sesi 2019/2020 selaras dengan maksud Seksyen 39 Akta Koperasi dan Peruntukan Para 27 Undang-undang Kecil KOBANAS.

Saya mewakili Anggota Lembaga Koperasi (ALK) mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Perwakilan yang hadir pada Mesyuarat Agung kali ini. Sepertimana kita maklum mesyuarat kali ini diadakan berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya berikutan penularan pandemik Covid 19 yang melanda negara ketika ini. Walau bagaimanapun saya merasa bangga atas komitmen serta tanggungjawab yang tuan/puan berikan selaku Perwakilan bagi memastikan Mesyuarat Agung kali ini berjalan dengan lancar meskipun dalam keadaan yang amat berbeza. Tidak lupa juga sokongan daripada Pengurusan BSN, anggota-anggota KOBANAS yang tidak berbelah bagi demi memastikan KOBANAS terus maju.

Tahun 2019 sekali lagi memperlihatkan KOBANAS terus dapat mengekalkan prestasi keuntungan yang baik sepertimana tahun-tahun sebelumnya dan ianya adalah tahun ke 20 KOBANAS mengekalkan keuntungan. Lanjutan daripada prestasi keuntungan ini KOBANAS masih lagi mampu untuk mengekalkan pembayaran dividen kepada semua anggota sepertimana kadar yang diberikan pada tahun lalu iaitu pada kadar 10% atas modal syer dan 8% atas modal yuran bulanan.

Saya percaya tahun 2020 merupakan tahun cabaran yang perlu ditempuhi oleh KOBANAS ketika negara dilanda penularan pandemik Covid-19 yang secara langsung mempengaruhi ekonomi negara. Bagi memastikan KOBANAS terus dapat bersaing dan mengekalkan prestasi, pihak ALK telah merancang beberapa pelan penambahbaik perniagaan sedia ada dan menceburi bidang perniagaan baru yang difikirkan mampu menjana pendapatan untuk KOBANAS dan menyaingi Koperasi luar yang lain.

Sehubungan itu sokongan dan kepercayaan daripada anggota KOBANAS amat diperlukan agar matlamat yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sepertimana kita tahu KOBANAS tidak akan wujud tanpa adanya tuan/puan selaku anggota. Disini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua anggota KOBANAS di atas kepercayaan yang diberikan terutamanya kepada saya selaku Pengerusi KOBANAS dan rakan-rakan ALK lain untuk menerajui kepimpinan tertinggi KOBANAS dan kami berjanji akan memastikan KOBANAS berada di landasan yang betul sepertimana saranan kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia serta pihak ANGKASA yang sentiasa memberikan kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada KOBANAS. Tak lupa juga kepada Pengurusan tertinggi BSN, pegawai serta kakitangannya yang selama ini memberi kerjasama dan sokongan kepada pihak KOBANAS.

Sekian, terima kasih.



**(HAMZAH BIN HJ. IBRAHIM)**

## ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2019/2020



**HAMZAH HAJI IBRAHIM**  
PENERUS



**MOHD KAMARUZAMAN NOR**  
SETIAUSAHA



**MOHD KHASNIEDDY KHASIMI**  
NAIB PENERUS



**ZAINUDDIN HAJI NGAH RABU**  
BENDAHARI



**MAZLAN DARWIS**  
ALK



**MOHAMAD HIDAYAT MAHMUD**  
ALK



**AZIZ HASSAN**  
ALK



**NUR SYAZWINI ZAKARIA**  
ALK



**HARUDIN ASMAL HARON**  
ALK



**MOHD GHAZALI ABU ZAHID**  
ALK



**JAMSARI@RIDZUAN MOHD NOOR**  
ALK



**ROSAFANDI HAJI RUSLI**  
ALK

**PENAUNG, PENASIHAT, ALK,  
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN JAWATANKUASA BADAN PENELITI  
KOBANAS**

**PENAUNG**

1. Datuk Yunos bin Abd Ghani

**PENASIHAT**

1. Jay Khairil Jeremy bin Abdullah

**ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

- |                                     |                 |
|-------------------------------------|-----------------|
| 1. Hamzah bin Hj. Ibrahim           | Pengerusi       |
| 2. Mohamad Khasnieddy bin Khasimi   | Naib Pengerusi  |
| 3. Mohd Kamaruzaman bin Nor         | Setiausaha      |
| 4. Zainuddin bin Hj Ngah Rabu       | Bendahari       |
| 5. Mazlan bin Darwis                | Anggota Lembaga |
| 6. Mohamad Hidayat bin Mahmud       | Anggota Lembaga |
| 7. Aziz bin Hassan                  | Anggota Lembaga |
| 8. Nur Syazwini binti Zakaria       | Anggota Lembaga |
| 9. Harudin Asmal bin Haron          | Anggota Lembaga |
| 10. Mohd Ghazali bin Abu Zahid      | Anggota Lembaga |
| 11. Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor | Anggota Lembaga |
| 12. Rosafandi bin Hj. Rusli         | Anggota Lembaga |

**JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

- |  |              |
|--|--------------|
| 1. Rosli bin Husshin                         | Pengerusi    |
| 2. Mohd Abkahalisatul Rohaizad bin Abd Karim | Setiausaha   |
| 3. Al-Nazri bin Zulkefli                     | Jawatankuasa |
| 4. Fadzil Azri bin Abd Samad                 | Jawatankuasa |
| 5. Roslee bin Ahmad                          | Jawatankuasa |

**JAWATANKUASA BADAN PENELITI**

- |  |              |
|--|--------------|
| 1. Mohd Nazir bin Jasin                | Pengerusi    |
| 2. Siti Zainorren binti Mohd Zainuddin | Jawatankuasa |
| 3. Omar Adani bin Tengah               | Jawatankuasa |
| 4. Mohd Riduan bin Hassan              | Jawatankuasa |

**SENARAI PERWAKILAN NEGERI/KAWASAN  
SESI 2019-2021**

**IBU PEJABAT**

1.	Muhamad Zairi bin Abdullah	Perwakilan
2.	Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	Perwakilan
3.	Abd Razak bin Ariffin	Perwakilan
4.	Suzana binti Abdul Malik	Perwakilan
5.	Izham bin Ismail	Perwakilan
6.	Amran bin Yusof	Perwakilan
7.	Faizal bin Mohamed	Perwakilan
8.	Yasman bin Hamid	Perwakilan
9.	Jasni bin Mohamed Junid	Perwakilan
10.	Sabri bin Yahia	Perwakilan
11.	Mohd Fadzil bin Ismail	Perwakilan
12.	Mazlina binti Malik	Perwakilan
13.	Kamaruzaman bin Abdul Kayum	Perwakilan
14.	Mohd Sharuddin bin Mat Idris	Perwakilan
15.	Muhammad Faizal bin Ariffin	Perwakilan
16.	Ahmad bin Jali	Perwakilan
17.	Mohammad Saiful bin Mansor	Perwakilan
18.	Mimi Azura binti Hj Othman	Perwakilan

**KUALA LUMPUR**

1.	Mohd Saini bin Mohd Shariff	Perwakilan
2.	Mohd Nijam bin Johari	Perwakilan
3.	Sefullah bin Tauhed Ahmed	Perwakilan
4.	Anas Asri bin Othman	Perwakilan
5.	Anuar bin Ali	Perwakilan
6.	Tg. Saiful Azhar bin Tg. Mohd Nordin	Perwakilan

**SELANGOR**

1.	Abdul Ghani bin Bulat	Perwakilan
2.	Asrul Nizam bin Abd Rahman	Perwakilan
3.	Hamzah bin Ahmad	Perwakilan
4.	Mohd Zailin bin Ismail	Perwakilan
5.	Zalma binti Mohamed Tajuddin	Perwakilan
6.	Norazak bin Mohd Tohar	Perwakilan
7.	Khairil Izhar bin Md Yahya	Perwakilan

## **PERAK**

1.	Kamal Bashah bin Said	Perwakilan
2.	Fauziana binti Mohd Yunos	Perwakilan
3.	Soraya binti Adnan	Perwakilan
4.	Siti Salina binti Rasol	Perwakilan
5.	Sabarudin bin Hussin	Perwakilan
6.	Norazman bin Khalid	Perwakilan
7.	Mohsin bin Ahmad	Perwakilan
8.	Mohd Azli bin Arshad	Perwakilan

## **NEGERI SEMBILAN**

1.	Ahmad Zamzuri bin Abdullah	Perwakilan
2.	Noordin bin Abdul Talip	Perwakilan
3.	Nor Hizam bin Hashim	Perwakilan
4.	Khairul Nizam bin Jamalludin	Perwakilan
5.	Mohd Firdaus Qusairy bin Mohd Yusof	Perwakilan

## **MELAKA**

1.	Al Naim bin Jenal	Perwakilan
2.	Jeffri bin Kamaruddin	Perwakilan
3.	Jainal bin Muhidan	Perwakilan
4.	Mohd Faizal bin Hashim	Perwakilan
5.	Zuliana binti Zainal Abidin	Perwakilan
6.	Aluay bin Ahmad	Perwakilan

## **JOHOR**

1.	Mazlan bin Mahat	Perwakilan
2.	Norhayati binti Jaafar	Perwakilan
3.	Jumaat bin Sahari	Perwakilan
4.	Daud bin Mohd Jeni	Perwakilan
5.	Noor Aziha binti Abd Aziz	Perwakilan
6.	Khalid bin Ibrahim	Perwakilan
7.	Zahari bin Limat	Perwakilan
8.	Nor Azizah binti Hadirman	Perwakilan
9.	Abd Razak bin Mohd Amin	Perwakilan
10.	Mohd Najib bin Rembeli	Perwakilan



## **PAHANG**

- |    |                            |            |
|----|----------------------------|------------|
| 1. | Zamrol bin Ariffin         | Perwakilan |
| 2. | Noor Aznieta binti Ibrahim | Perwakilan |
| 3. | Mohd Syahiri bin Mohamed   | Perwakilan |
| 4. | Haywata bin Abdul Ghafar   | Perwakilan |
| 5. | Nor Hazizah binti Alwi     | Perwakilan |

## **KEDAH/PERLIS**

- |    |                             |            |
|----|-----------------------------|------------|
| 1. | Mohd Azwa bin Md Salleh     | Perwakilan |
| 2. | Mohd Zamani bin Salleh      | Perwakilan |
| 3. | Ade Noorazman bin Abd Tahir | Perwakilan |
| 4. | Nor Rosidi bin Aziz         | Perwakilan |
| 5. | Mohamad Shukri bin Baharom  | Perwakilan |
| 6. | Mohd Zamir bin Azmi         | Perwakilan |

## **PULAU PINANG**

- |    |                         |            |
|----|-------------------------|------------|
| 1. | Ahmad Nizam bin Razak   | Perwakilan |
| 2. | Ariff bin Ahmad         | Perwakilan |
| 3. | Anuar bin Omardin       | Perwakilan |
| 4. | Rohasidie bin Abd Rahim | Perwakilan |
| 5. | Rosman bin Abdullah     | Perwakilan |

## **SABAH**

- |    |                      |            |
|----|----------------------|------------|
| 1. | Judy D. Satiwang     | Perwakilan |
| 2. | Ali bin Salleh       | Perwakilan |
| 3. | Roseni Stephen       | Perwakilan |
| 4. | Junaidi bin Ali      | Perwakilan |
| 5. | Mohd Ahyar bin Ahmad | Perwakilan |
| 6. | Jaounah Ompongoh     | Perwakilan |
| 7. | Asmadi bin Sidin     | Perwakilan |

## **SARAWAK**

- |    |                                  |            |
|----|----------------------------------|------------|
| 1. | Azman Shah bin Ismail Wang       | Perwakilan |
| 2. | Omeli bin Mun                    | Perwakilan |
| 3. | Mohamed Rafik bin Mohamed Yoosuf | Perwakilan |
| 4. | Misah binti Sabani               | Perwakilan |
| 5. | Bohori bin Jima'ah               | Perwakilan |

## **TERENGGANU**

- |    |                                |            |
|----|--------------------------------|------------|
| 1. | Mohd Hadafi bin Ali            | Perwakilan |
| 2. | Ahmad Fauzi bin Yusof          | Perwakilan |
| 3. | Mohd Sofian bin Mohamad        | Perwakilan |
| 4. | Azri bin Abdullah              | Perwakilan |
| 5. | Maznita binti Mohamad@Abdullah | Perwakilan |

## **KELANTAN**

- |    |                               |            |
|----|-------------------------------|------------|
| 1. | Kartini binti Husain          | Perwakilan |
| 2. | Mohamad Mokhtar bin Abd Wahab | Perwakilan |
| 3. | Md Arbi bin Che Cob           | Perwakilan |
| 4. | Zakaria bin Yin               | Perwakilan |
| 5. | Marzimi bin Ab Rasid          | Perwakilan |

**PENGURUSAN/KAKITANGAN  
KOBANAS**

**KAKITANGAN PEJABAT**

1. Azman bin Mohd Sidek
2. Noor Azmi bin Jaafar
3. Noor Shabudin bin Shafie
4. Muhammad Ismail bin Ahmad Badaruddin
5. Mohd Kamil bin Mustafa
6. Nurul Salsabila binti Mohd Noor
7. Norfarahzira binti Ab Shukoor
8. Wan Suzana binti Wan Abas
9. Nadiatul Faddi'rah binti Mansor
10. Siti Hawa binti Hoziri
11. Khazmi bin Abu Kasim
12. Mashila binti Md Som
13. Muhammad Noorul Azam bin Mafti
14. Tinawati binti Sabirin

**JAWATAN**

- Ketua Operasi  
Ketua Kewangan  
Eksekutif Kredit  
Eksekutif Akaun  
Eksekutif Hartanah  
Eksekutif IT  
Eksekutif Akaun  
Pegawai Sumber Manusia  
Pegawai Akaun  
Kerani Kredit  
Kerani Kredit  
Kerani Akaun  
Pembantu Pejabat  
Pembantu Pejabat

**TEMPAT LETAK KERETA**

- |                               |          |
|-------------------------------|----------|
| 1. Ismail bin Mohd Noor       | Penyelia |
| 2. Mohd Sufian bin Ab Wahab   | Atendan  |
| 3. Amirullah bin Zakaria      | Atendan  |
| 4. Iskandar bin Abu Bakar     | Atendan  |
| 5. Mohd Khairul Adham bin Ali | Atendan  |

**KANTIN WISMA BSN (PENCUCIAN)**

- |                             |             |
|-----------------------------|-------------|
| 1. Nur Halipah binti Othman | Pembantu Am |
| 2. Saenah binti Misdin      | Pembantu Am |

## **LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2019**

Saya selaku Pengerusi Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad dengan rasa rendah hati dan sukacitanya membentangkan Laporan Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS) bersama Akaun Beraudit, Laporan Juruaudit Luar dan Laporan Juruaudit Dalam bagi tahun kewangan 2019 serta ulasan dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi tahun kewangan 2019. Laporan ini dibentangkan untuk mendapat kelulusan anggota perwakilan semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 27.

Bagi tahun kewangan 2019, KOBANAS telah memperolehi pendapatan berjumlah RM6,857,796 berbanding tahun 2018 berjumlah RM6,714,974 iaitu peningkatan sebanyak RM142,822 @ 2.13%. Bagi tahun kewangan 2019, KOBANAS telah memperolehi keuntungan bersih berjumlah RM3,046,646 berbanding RM3,082,360 tahun 2018 iaitu mengalami sedikit penurunan sebanyak RM35,715 @ 1.16% walaupun demikian ini adalah merupakan tahun ke dua puluh berturut-turut KOBANAS telah mencatat keuntungan yang baik. Keuntungan yang konsisten dari tahun ke tahun ini adalah hasil tadbir urus yang baik dan pengurusan kewangan yang wibawa sepertimana yang dikehendaki oleh anggota KOBANAS serta mengikut segala peraturan yang disarankan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

### **PEMBIAYAAN ANGGOTA**

Pemberian pembiayaan kepada anggota masih menjadi teras utama aktiviti KOBANAS dimana jumlah keseluruhan amaun pembiayaan setakat 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM37,599,765 iaitu peningkatan sebanyak RM1,084,534 berbanding tahun 2018. Jumlah pendapatan daripada aktiviti pembiayaan ini pada tahun 2019 berjumlah RM4,304,374 berbanding tahun 2018 berjumlah RM4,108,917 dengan peningkatan sebanyak RM195,457 @ 4.76%.

### **MODAL SYER ANGGOTA**

Modal Syer Anggota menunjukkan peningkatan sebanyak RM2,777,199 @ 49.59% iaitu daripada baki sebanyak RM5,599,780 pada 31 Disember 2018 kepada RM8,376,979 pada 31 Disember 2019. Peningkatan modal syer ini menunjukkan keyakinan anggota terhadap pengurusan dan prestasi kewangan KOBANAS yang baik terutamanya dari segi pembayaran dividen tinggi yang konsisten setiap tahun.

### **MODAL YURAN ANGGOTA**

Modal Yuran Anggota juga meningkat daripada RM13,887,121 pada 31 Disember 2018 kepada RM14,938,428 pada 31 Disember 2019 iaitu peningkatan sebanyak RM1,051,307 @ 7.57%. Peningkatan modal syer ini juga menunjukkan keyakinan anggota terhadap pengurusan dan prestasi kewangan KOBANAS yang baik terutamanya dari segi pembayaran dividen tinggi yang konsisten setiap tahun.

### **KEANGGOTAAN KOPERASI**

Keanggotaan KOBANAS menunjukkan peningkatan daripada 4,153 orang anggota pada akhir tahun 2018 kepada 4,522 orang anggota pada akhir tahun 2019, dengan peningkatan seramai 369 orang @ 8.89%. Faktor peningkatan ini banyak disumbangkan oleh kegiatan promosi yang dilakukan oleh Perwakilan Negeri bagi menggalakkan kakitangan BSN menjadi anggota disamping peningkatan keyakinan terhadap prestasi KOBANAS yang baik dan konsisten dari tahun ke tahun.

### AKTIVITI PROJEK

Aktiviti projek-projek bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Projek	Untung Rugi (RM)		Perbezaan (RM)	Peratusan	Catatan
	2019	2018			
Kantin Wisma BSN	110,746	51,567	59,179	114.76%	Peningkatan
Tempat Letak Kereta	105,230	97,115	8,115	8.36%	Peningkatan
Lanskap	10,105	43,478	(33,373)	-76.76%	Penurunan
Kantin PPBSN	(43,205)	121,016	(164,221)	-135.70%	Penurunan

Kontrak lanskap dengan BSN telah tamat dan tidak disambung semula mulai pada bulan Mei 2019 menyebabkan penurunan keuntungan berbanding tahun 2018.

Kantin PPBSN telah mencatatkan kerugian pada tahun 2019 kerana kurangnya kursus dengan tempahan makanan yang mencukupi bagi menampung kos pekerja dan belanja operasi lain. Dalam tahun 2019 pihak BSN telah mula menjalankan kerja-kerja ubahsuai ke atas tempat kantin beroperasi seterusnya berlaku kurang tempahan makanan yang seterusnya telah menjejaskan pendapatan kantin PPBSN.

### PELABURAN HARTANAH

Sepertimana mandat yang telah diberikan oleh Perwakilan pada mesyuarat agung sebelum ini KOBANAS telah mengorak langkah menceburi perniagaan hartanah. KOBANAS telah membeli beberapa hartanah yang difikirkan sesuai yang bermanfaat kepada anggota dan memberi pulangan yang baik kepada KOBANAS. Antara hartanah yang telah dimiliki oleh KOBANAS adalah seperti berikut:

<u>Bil</u>	<u>Jenis Harta</u>	<u>Lokasi</u>	<u>Kos Belian (RM)</u>
1	Rumah kedai 3 tingkat	Wangsa Melawati, Kuala Lumpur	700,000
2	Rumah kedai 4 tingkat	Bandar Seri Putra Bangi Selangor	1,987,000
3	Rumah kedai 3 tingkat	Wangsa Maju, Kuala Lumpur	1,500,000
4	Rumah berkembar 1 tingkat	Pantai Batu Hitam, Kuantan, Pahang	270,000
5	Rumah kedai 3 tingkat	Bandar Meru Raya Ipoh, Perak	948,000
6	Rumah berkembar 2 tingkat	Mukim Kuala Nerus, Terengganu	290,000
7	Tanah serta bangunan dua tingkat	Cabang Tiga, Kuala Terengganu	2,150,000
8	Rumah berkembar 2 tingkat	Mukim Bukit Piatu, Melaka Tengah	310,000
9	Apartment 2 unit	Austin Hills, Johor Bharu	800,920
10	Rumah kedai 4 tingkat	Jelatek Business Park Kuala Lumpur	2,450,000
11	Rumah kedai 2 tingkat	Larkin Jaya, Johor Bharu	500,000
12	Rumah kedai 3 ½ tingkat	Kuala Terengganu	1,980,000
13	Apartment 3 bilik	Marina Court Kota Kinabalu	750,000
14	Apartment SOHO	Metrocity Square, Kuching Sarawak	419,000
<b>JUMLAH</b>			<b>15,094,920</b>

### DIVIDEN

Dengan prestasi yang baik pada tahun 2019, Anggota Lembaga Koperasi bersetuju untuk mencadangkan pembayaran dividen untuk akaun tahunan 2019 dikekalkan pada kadar 10% atas saham sebanyak RM805,000 dan 8% atas simpanan caruman sebanyak RM1,057,000 dengan jumlah keseluruhan pembayaran dividen RM1,862,000. Pembayaran dividen ini adalah bergantung kepada pencapaian keuntungan KOBANAS, sekiranya ada keuntungan maka ianya akan dikembalikan semula kepada anggota dalam bentuk dividen.

### **PENGIKTIRAFAN**

Dari segi pencapaian peringkat nasional, KOBANAS telah diiktiraf antara 100 Koperasi terbaik seluruh Malaysia dengan menduduki tempat ke 59 daripada lebih kurang 14,000 koperasi yang ada di seluruh Malaysia. Pengurusan KOBANAS berasa bangga dengan pengiktirafan ini dan yakin bahawa KOBANAS berada di landasan yang betul dengan bersandarkan kepada peraturan-peraturan serta arahan-arahan yang dibuat oleh pihak SKM.

### **PEMBANGUNAN WEB**

Pihak pengurusan KOBANAS sedang berusaha membangunkan sebuah web portal bagi memudahkan anggota memperoleh maklumat terkini mengenai KOBANAS serta membolehkan permohonan pembiayaan dan capaian penyata pembiayaan, saham dan simpanan secara dalam talian. Dijangkakan *web portal* ini akan disediakan dan boleh digunakan mulai awal tahun 2021 bersekali dengan sistem baru bagi keanggotaan, pembiayaan dan kewangan KOBANAS.

### **HALA TUJU KOBANAS**

KOBANAS sentiasa berusaha mengorak langkah untuk menjadi lebih baik dari tahun demi tahun agar dapat mencapai prestasi perniagaan yang lebih baik dan konsisten di masa hadapan. Penambahan pendapatan adalah fokus utama pengurusan dengan mempelbagaikan pembiayaan sedia ada serta berusaha untuk meningkatkan produktiviti pembiayaan dan perkhidmatan.

Disamping memberi tumpuan ke atas aktiviti teras kredit, Anggota Lembaga Koperasi akan berusaha meneroka dan menceburi bisnes-bisnes baru yang dapat menjana pendapatan serta pulangan tinggi dan nilai terbaik kepada KOBANAS. Anggota Lembaga Koperasi juga akan memberi tumpuan terhadap rakan niaga sedia ada serta mencari rakan niaga yang baru dalam sektor yang dapat menjana pendapatan. Di dalam usaha mencapai hasrat ini, kerjasama dan sokongan padu anggota amat diperlukan.

Anggota Lembaga Koperasi juga akan terus dan sentiasa memberi tumpuan bagi mempertingkatkan kerjasama dan hubungan perniagaan bersama Pengurusan Tertinggi BSN.

Anggota Lembaga Koperasi berharap agar semua Perwakilan dapat memberikan sumbangan idea-idea bernas yang dapat kita gunakan untuk membawa KOBANAS kepada tahap yang lebih baik dan sentiasa menjaga kebajikan anggota KOBANAS keseluruhannya.

### **PENGHARGAAN**

Saya mewakili Anggota Lembaga Koperasi KOBANAS dengan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

1. Suruhanjaya Koperasi Malaysia
2. Pengurusan BSN, pegawai dan kakitangannya
3. Perwakilan dan anggota KOBANAS yang setia memberikan sokongan dan kerjasama kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk mentadbir KOBANAS
4. Semua kakitangan KOBANAS di atas sumbangan, usaha dan jasa mereka dalam melaksanakan tanggungjawab bagi menjayakan operasi KOBANAS.

Sekian, terima kasih.



**(HAMZAH BIN HAJI IBRAHIM)**

Pengerusi KOBANAS

**KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD**  
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Kepada:

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Anggota- anggota Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad

**Laporan Terhadap Penyata Kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad, yang mangedungi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Kumpulan Wang Anggota dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 43 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

**Asas kepada Pendapat**

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kami merupakan juruaudit yang bebas daripada Koperasi selaras dengan By-Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan *International Ethics Standards Board for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants* ("Kod IESBA") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan Kod IESBA.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengennainya**

Para Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit mengennainya. Maklumat lain termasuk penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit mengennainya.

**KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD**  
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenaunya (samb.)**

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi dan ini tidak termasuk penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenaunya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Koperasi, menjadi tanggungjawab kami untuk membaca penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya.

*Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan*

Para Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Para Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai kemampuan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para Anggota Lembaga Koperasi berniat untuk membubarkan Koperasi atau menghentikan operasi.

*Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan*

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenaunya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.



**KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD**  
**(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)**

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**

**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

*Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (samb.)*

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga:-

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Koperasi, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Koperasi.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan kepada audit bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para Anggota Lembaga Koperasi.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para Anggota Lembaga Koperasi untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Koperasi meneruskan operasinya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Koperasi dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Koperasi tidak lagi beroperasi sebagai usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasil persembahan laporan yang saksama.

**KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD**

**(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)**

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

*Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (samb.)*

Kami juga berkomunikasi dengan para Anggota Lembaga Koperasi mengenai perkara lain antaranya Skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.


**Laporan ke atas Undang-undang dan Peraturan Lain**

Selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa rekod perakaunan dan rekod-rekod lain termasuk daftar yang diperiksa oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan di dalam Piawaian.

**Lain-lain Perkara**

Laporan ini disediakan hanya kepada Anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

  
A. RAZAK & CO.  
Akauntan-akauntan Bertauliah  
No. Firma : AF 0842

  
ABD. RAZAK BIN HJ. NAZAHDIN  
No. Juruaudit: SKM (B) 0350  
Akauntan Bertauliah  
Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh: 19 JUN 2020

**KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD**  
**(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)**

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA**  
**MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (C) Akta Koperasi 1993**

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Kegiatan utama Koperasi meliputi pemberian kemudahan pembiayaan kepada anggota atau skim perdagangan barang-barang keperluan anggota-anggota seperti alat elektrik, barangan kemas, motorsikal dan sebagainya mengikut keperluan anggota-anggota, wakil insuran, menyediakan perkhidmatan tempat letak kereta, kontrak lanskap, perniagaan kantin dan sewaan bangunan.

Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif subseksyen 59(4) Akta Koperasi 1993;
- b) Koperasi bercadang untuk mengeluarkan dividen sebanyak 10% atas modal syer dan 8% atas yuran anggota yang dianggarkan masing-masing berjumlah RM805,000 dan RM1,057,000 kepada ahli-ahli koperasi teitakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Mesyuarat Agung;
- c) Koperasi juga bercadang memindahkan keuntungan terkumpul ke Tabung Kebajikan Anggota berjumlah RM54,000, honorarium lembaga berjumlah RM60,000 dan Kumpulan Wang Penebusan Saham berjumlah RM50,000;
- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai;
- e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh penyata pendapatan, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan;
